

Perutusan Rektor Sempena Majlis Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Islam Malaysia.



Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran kepada Illahi kerana dengan izin-Nya, maka Majlis Konvokesyen Ketiga KUIM berjalan seperti yang dirancang. Diatas kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada graduan ketiga KUIM yang menerima Ijazah pada Majlis Konvokesyen Ketiga KUIM pada tahun 2005. Pada tahun ini, Majlis Konvokesyen Ketiga KUIM melakar sejarah tersendiri dengan adanya graduan sulung ijazah sarjana. Ini merupakan langkah permulaan bagi KUIM untuk melahirkan ramai lagi graduan pasca-siswazah.

Suka saya nyatakan kepada para graduan, jadikanlah kejayaan yang anda perolehi hari ini sebagai satu permulaan untuk menghadapi alam kehidupan di luar yang lebih mencabar. Ini kerana cabaran pertama yang akan anda hadapi ialah persaingan dalam mendapatkan pekerjaan. Rangkalah strategi sebaik-baiknya dan gunakanlah ilmu pengetahuan dan pengalaman yang anda perolehi semasa di Universiti untuk membina kehidupan baru di luar sana. Jangan gentar untuk bersaing dan percaya pada kebolehan diri. Ini kerana melangkah ke alam pekerjaan memerlukan perediaan mental dan fizikal yang mantap. Para graduan semua akan menjadi kayu ukur yang akan mencorakkan pandangan majikan dan masyarakat luar tentang keupayaan KUIM sebagai penyumbang keperluan sumber tenaga manusia di masa hadapan.

Sekiranya anda berada di dalam kelompok bertuah yang berjaya mendapatkan pekerjaan, tunjukkanlah tanggungjawab, dedikasi dan keterampilan anda kepada majikan anda. Kerana sesungguhnya, ramai yang barbaris di luar sana menanti peluang untuk merebut tempat yang anda perolehi. Jagalah nama baik Universiti. Jika anda belum mendapat apa-apa pekerjaan, tingkatkan usaha untuk memperbaiki diri sendiri dan jangan malu untuk mencipta pekerjaan anda sendiri.

Akhir kata, saya mendoakan kejayaan dan kesejahteraan anda semua di mana sahaja anda berada dan semoga anda sentiasa dirahmati Allah S.W.T

Sekian, wasalam.



REKTOR.



**Tuanku Canselor Duli Yang Maha
Mulia Tunku Najihah.**

Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin diputerikan di Seri Menanti. Baginda mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Seri Menanti. Baginda kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Ingggris Tuanku Muhammad. DYMM Tunku Ampuan turut mengambil kesempatan mempelajari Bahasa Perancis disamping mempelajari pelbagai kursus di London School of Economic (London University)

DYMM Tunku Ampuan adalah seorang yang sangat aktif terutama dalam membuat kerja-kerja amal. Baginda kini masih memegang jawatan Timbalan Presiden Lembaga Kebajikan Islam Malaysia.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH.

ANUGERAH PELAJARAN
DIRAJA /
ROYAL EDUCATION AWARD

HADIAH BUKU FAKULTI /
FACULTY'S BOOK AWARDS



Nisar Mohammad bin Ahmad.

ANUGERAH CANSELOR /
CHANCELLOR'S AWARD.

HADIAH BUKU FAKULTI /
FACULTY'S BOOK AWARDS



Mohd. Zaharuddin bin Zakaria.

PINGAT EMAS REKTOR /
RECTOR'S GOLD MEDAL.



Kassim bin Salleh.

HADIAH BUKU FAKULTI /
FACULTY'S BOOK AWARDS.

HADIAH BUKU UNIVERSITI /
UNIVERSITY BOOK AWARD

Graduan terbaik bagi program Sarjana
Muda Pengajian Quran dan Sunnah
dengan Kepujian



Abd. Muhaimin bin Ahmad
- *Hadiah Salbiah Songket Sdn Bhd.*

HADIAH BUKU FAKULTI /
FACULTY'S BOOK AWARDS.

HADIAH BUKU UNIVERSITI /
UNIVERSITY BOOK AWARD

Graduan terbaik bagi Program, Sarjana
Muda Da'wah dan Pengurusan Islam
dengan Kepujian



Mahazan bin Abdul Mutalib@Talib
- *Hadiah YADIM*

HADIAH BUKU UNIVERSITI /
UNIVERSITY BOOK AWARD



Haslinda bt Abdul Samad



Siti Irfah bt Ismail



Tengku Fatimah Muliana bt Tengku
Muda

G A L E R I MAJLIS KONVOKESYEN KUIM




374 GRADUAN TERIMA IJAZAH...

Dalam Istiadat Konvokesyen Ketiga ini, KUIM telah melahirkan seramai 374 graduan yang menerima Ijazah masing-masing. Pada tahun ini, Majlis Konvokesyen Ketiga KUIM melakar sejarah tersendiri dengan adanya graduan sulung Ijazah Sarjana Syariah dan Undang-Undang. Ini merupakan langkah permulaan bagi KUIM untuk melahirkan ramai lagi graduan pasca-siswazah.

Seramai 373 graduan akan menerima Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan satu-satunya graduan sulung Ijazah Sarjana Syariah dan Undang-Undang yang menjadikan jumlah keseluruhan graduan seramai 374 orang.

Penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kepada keseluruhan graduan adalah mengikut 3 fakulti iaitu Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

JUMLAH GRADUAN MENGIKUT FAKULTI



Fakulti	Jumlah	Peratusan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)	137	37%
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)	116	31%
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)	121	32%
JUMLAH	374	100%

ISTIADAT KONVOKESYEN KE-3 KUIM

MASA	ATURCARA
8.00 pagi	Ketibaan Jemputan
8.45 pagi	Ketibaan Rektor KUIM dan Isteri
8.55 pagi	Ketibaan Naib Canselor/Rektor IPTA
9.00 pagi	Ketibaan Dif-Dif Kehormat/Ahli Lembaga Pengarah KUIM
9.05 pagi	Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM dan Isteri
9.10 pagi	Ketibaan YB Menteri Pengajian Tinggi dan Isteri
9.20 pagi	Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Canselor KUIM
9.35 pagi	Perarakan Graduan Masuk ke Dewan
9.45 pagi	<ul style="list-style-type: none"> • Perarakan Besar Masuk ke Dewan • Perarakan Canselor Masuk ke Dewan • Pengumuman Tujuan Perhimpunan oleh Rektor • Perisytiharan Pembukaan Konvokesyen Ketiga KUIM oleh DYMM Tuanku Canselor • Ucapan Rektor • Titah Ucapan DYMM Tuanku Canselor • Penganugerahan Ijazah • Pengumuman Pengurniaan Anugerah/Pingat Emas • Pengumuman Pemenang hadiah Buku • Ucapan Wakil Graduan • Bacaan Doa • Perisytiharan Penangguhan Majlis Konvokesyen Ketiga KUIM oleh DYMM Tuanku Canselor • Penganugerahan Ijazah • Pengumuman Pengurniaan Anugerah/Pingat Emas • Pengumuman Pemenang Hadiah Buku • Ucapan Wakil Graduan • Bacaan Doa • Perisytiharan Penangguhan Majlis Konvokesyen Ketiga KUIM oleh DYMM Tuanku Canselor • Perarakan Canselor Keluar Dewan • Perarakan Besar Keluar Dewan • Perarakan Siswazah Keluar Dewan
12.30 tgh	Majlis Bersurai